

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, September 3, 2019 8:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Jadi Pilihan 4,856 Pelajar Baharu Pada Sesi Akademik 2019/2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

03 SEPTEMBER 2019 / 03 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM JADI PILIHAN 4,856 PELAJAR BAHARU PADA SESI AKADEMIK 2019/2020



UUM ONLINE: Hari ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima kemasukan seramai 4,856 pelajar baharu yang akan mengikuti 41 program pengajian di peringkat Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2019/2020.

Pelajar baharu itu terdiri calon lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan kemasukan seramai 2,785, Diploma (488), Matrikulasi (892), Asasi Pengurusan UUM (201) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (161) serta pelajar antarabangsa (197).

Selain itu, UUM juga menerima kemasukan pelajarambilan Akademi Golf Nasional seramai tujuh orang, pelajar mobiliti tempatan seramai sembilan orang dan pelajar mobiliti antarabangsa seramai 116.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, daripada jumlah pelajarambilan melalui UPU dan Asasi Pengurusan UUM, 74 peratus iaitu 3,334 adalah pelajar perempuan dan 26 peratus lagi adalah pelajar lelaki.

Menurutnya, daripada jumlah ambilan tersebut, 4.3 peratus iaitu seramai 185 pelajar adalah dari saluran khas yang dipadankan dengan data e-Kasih oleh UPU.

Selain pelajar tempatan, katanya, UUM juga menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian dan universiti telah menerima kemasukan teramai dari Indonesia (124) dan China (30), diikuti Somalia (11), Thailand (9), Yaman (8), Nigeria (5), Algeria (3), Uzbekistan (2), Zimbabwe (2) dan negara-negara lain.

"Bagi kemasukan terbesar mengikut program pula, seramai 388 pelajar telah memilih program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, kemudian Sarjana Muda Perakaunan (328) dan Sarjana Muda Sains Ekonomi (265).

"Di UUM juga mempunyai program Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan (BPLB) yang mana ia berjaya menunjukkan kebolehpasaran graduan sebanyak 100 peratus. Program ini ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang mendapat sekurang-kurangnya Purata Markah Keseluruhan (PMK) 3.5 ke atas dan jumlah pengambilan pelajar adalah seramai 30 orang pada setiap sesi pengambilan," katanya.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, pada kemasukan sesi 2019/2020 ini, seramai 219 pelajar yang ditawarkan adalah mereka yang memperolehi PMK 4.0 iaitu terdiri 128 pelajar dari program Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Undang-Undang (32) dan Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) (19) dengan PMK kemasukan calon pada kali ini adalah sebanyak 3.36.

Selain itu, menurutnya, program Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dan Sarjana Muda Undang-Undang mencatatkan PMK kemasukan tertinggi iaitu 3.91, diikuti Sarjana Muda Perakaunan mencatat purata sebanyak 3.90.

"Tidak ketinggalan, seramai 15 pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) dan sembilan pelajar Orang Asli dari pelbagai negeri yang turut ditawarkan kemasukan ke UUM.

"Keseluruhan, sehingga 25 Ogos, UUM mempunyai jumlah pelajar seramai 28,866 orang iaitu 23,907 bagi peringkat pengajian Sarjana Muda dan 4,959 bagi pasca siswazah," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.